

SIARAN MEDIA

Untuk Terbitan Segera

BANK ISLAM LANCAR PROGRAM WOMEN IN BUSINESS (WinBiz)

Memperkasakan kemampuan dan kapasiti PKS milik wanita

KUALA LUMPUR, Khamis, [5 September 2019]: Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") hari ini memperkenalkan penyelesaian kewangan baharu yang dikhususkan bagi usahawan wanita di bawah segmen perniagaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang dikenali sebagai Program *Women in Business* ("WinBiz").

Majlis pelancaran program tersebut disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Turut hadir, Datuk Zamani Abdul Ghani, Pengerusi Bank Islam dan Encik Mohd Muazzam Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam di Hotel Royale Chulan Kuala Lumpur.

Program WinBiz menawarkan kemudahan perbankan yang komprehensif bagi memenuhi keperluan modal kerja dan perbelanjaan modal perniagaan-perniagaan berstatus Sendirian Berhad yang dimiliki dan diterajui oleh wanita.

YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah berkata, "Saya menyeru agar institusi-institusi kewangan di Malaysia mencontohi dan mengikuti langkah Bank Islam dalam memperkenalkan produk-produk atau perkhidmatan yang menggalakkan penglibatan wanita dalam bidang keusahawanan, khususnya dalam perusahaan kecil dan sederhana."

Program WinBiz bertujuan untuk meneroka segmen pasaran baharu yang mempunyai saiz potensi pasaran yang signifikan, selain meningkatkan akses penyelesaian kewangan kepada segmen PKS yang lebih khusus.

Menurut Encik Mohd Muazzam, "Penawaran produk-produk dan perkhidmatan yang canggih dan relevan dengan kehendak semasa dan bersesuaian dengan keperluan masa hadapan merupakan sebahagian daripada usaha Transformasi Bank Islam.

“Sesungguhnya kami amat berbangga kerana diberi peluang untuk memperkenalkan Program WinBiz di pasaran. Malah, ia merupakan satu komitmen permulaan dengan penambahbaikan akan diambil secara berperingkat dari semasa ke semasa dalam memperluaskan lagi kelayakan dan penawaran produk berkaitan,” tambah beliau.

Sebagai permulaan, program WinBiz menyediakan kemudahan Pembiayaan Perniagaan Berjangka-i dengan had pembiayaan sehingga RM1 juta, Kad Kredit-i Visa Infinite Business, Perbankan Internet Korporat, Terminal Penyelesaian Pembayaran, Akaun Pelaburan Al-Awfar SME dan Akaun Semasa iGain SME.

Encik Mohd. Muazzam berkata, Bank Islam melihat PKS sebagai satu segmen penting yang perlu diberi perhatian dan mempunyai potensi untuk terus berkembang.

“Kami menjangkakan portfolio perbankan PKS akan meningkat sebanyak RM50 juta dalam tempoh 12 bulan akan datang susulan pelancaran WinBiz hari ini .

“Selaras dengan visi kami untuk menjadi sebuah *Bank yang Mendahulukan Kemakmuran untuk Semua*, kami amat komited dalam membantu PKS berpotensi berdaya maju dengan menawarkan produk inovatif untuk meningkatkan pertumbuhan pelanggan PKS kami,” ujar beliau.

Program WinBiz akan ditawarkan di pasaran pada Oktober 2019.

Maklumat lanjut boleh diperoleh menerusi laman web Bank Islam www.bankislam.com.my, Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-2690 0900 atau 12 hab PKS Bank Islam di seluruh negara.

Mengenai Bank Islam

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 149 cawangan dan lebih daripada 1000 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan masyarakat Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati www.bankislam.com.my atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel.bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my Web: www.bankislam.com.my	Omar Atin Penolong Timbalan Presiden, Perhubungan Awam BIMB Holdings Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: omar@bimbholdings.com Web: www.bimbholdings.com
---	--

